

13/06/2002

Perlumbaan basikal Gamuda ETOM dilancar

SELEPAS siri kejayaan penganjuran Le Tour de Langkawi, Malaysia kini boleh berbangga kerana mempunyai satu lagi perlumbaan basikal bertaraf antarabangsa yang diberi nama Gamuda Eagle Tour Of Malaysia 2002 (Gamuda ETOM 2002).

Bagaimanapun berbanding Le Tour de Langkawi, Gamuda ETOM 2002 lebih memfokuskan kepada penyertaan pasukan Asia serta membabitkan beberapa kelab Eropah dan kelab-kelab divisyen tiga sekali gus menjadikan jelajah itu lebih kompetitif dan menarik.

Pengerusi Eksekutif Clear Mission Sdn Bhd, Datuk Wan Lokman Wan Ibrahim, yang juga pengelola Le Tour de Langkawi tidak menolak kemungkinan menjadikan ETOM sebagai syarat kelayakan kepada pasukan Asia menyertai Le Tour de Langkawi pada masa depan.

"Peningkatan Le Tour de Langkawi ke tahap 2.3 menimbulkan satu keadaan di mana pelumba-pelumba Asia sukar mendapat tempat dan bersaing dengan pelumba profesional sekali gus merebut hadiah yang ditawarkan dalam jelajah berkenaan.

"Menyedari situasi itu, penaung Le Tour de Langkawi, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Perdana Menteri) menyatakan bahawa sudah tiba masanya kita menganjurkan satu lagi perlumbaan yang boleh memberi peluang kepada pelumba Asia untuk terus bersaing di perlumbaan kompetitif. "Lantaran itu, kita yang juga pengelola Le Tour de Langkawi bersetuju untuk menganjurkan Etom 2002. Malah, kita tidak menolak kemungkinan menjadikan ETOM sebagai pentas kelayakan kepada pasukan Asia sebelum menyertai Le Tour de Langkawi," katanya pada majlis pelancaran ETOM 2002 semalam.

Majlis pelancaran itu disempurnakan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein di kementerian semalam.

Terdahulu, jelajah sulung ETOM 2002 selama lima hari dari 14 hingga 18 Ogos 2002 di sekitar Pulau Langkawi itu, mendapat pengiktirafan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) dan diberi ranking 2.6.

Perlumbaan yang menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM200,000 itu membabitkan ujian masa individu, mengelilingi pulau, mendaki bukit dan kriterium sejauh 402 kilometer.

Menurut Wan Lokman, pihaknya berharap dapat menarik penyertaan sekurang-kurangnya 20 pasukan dan setakat ini 11 pasukan termasuk dari Switzerland dan Norway sudah mengesahkan penyertaan.

Sementara itu, Hishammuddin berharap ETOM menempa kejayaan sebagaimana yang dikecapi Le Tour de Langkawi.

"Kita lihat tenaga dan pihak yang sama yang menganjurkan Le Tour de Langkawi yang mengelolakan ETOM. Sudah tentu, kita harap ETOM menempa kejayaan sebagaimana perlumbaan berprestij itu.

"Apa yang penting, kita mahu melihat lebih banyak pelumba berbakat diketengahkan dan menjadikan jelajah itu sebagai cabang baru pelancongan sukan di Malaysia," katanya.

(END)